05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# KEBERKESANAN KAEDAH GABUNG BUNYI KATA (KGBK) TERHADAP PENCAPAIAN KEMAHIRAN MEMBACA BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN MURID PEMULIHAN KHAS

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

**NOR ADZLEENA BINTI WAHAP**

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2021**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# KEBERKESANAN KAEDAH GABUNG BUNYI KATA (KGBK) TERHADAP PENCAPAIAN KEMAHIRAN MEMBACA BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN MURID PEMULIHAN KHAS

NOR ADZLEENA BINTI WAHAP

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENDIDIKAN SEKOLAH RENDAH)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



UPSI/IPS-3/BO 32
Pind : 00 m/s: 1/1

**Sila tanda (√)**

| | |
|---|---|
| Kertas Projek | |
| Sarjana Penyelidikan | |
| Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus | ✓ |
| Doktor Falsafah | |

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**

**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada 12 (hari bulan) Januari (bulan) 2021

**i. Perakuan pelajar :**

Saya, **NOR ADZLEENA BINTI WAHAP, M20151000939, FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA** dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **KEBERKESANAN KAEDAH GABUNG BUNYI KATA (KGBK) TERHADAP PENCAPAIAN KEMAHIRAN MEMBACA BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN MURID PEMULIHAN KHAS** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

______________________________

Tandatangan pelajar

**ii. Perakuan Penyelia:**

Saya, **PROFESOR MADYA DR MD NASIR BIN MASRAN** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **KEBERKESANAN KAEDAH GABUNG BUNYI KATA (KGBK) TERHADAP PENCAPAIAN KEMAHIRAN MEMBACA BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN MURID PEMULIHAN KHAS** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh **IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN SEKOLAH RENDAH).**

______________________________ ______________________________

Tarikh : Tandatangan Penyelia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# PENGHARGAAN

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah serta selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. Alhamdulillah, syukur kepada Allah s.w.t dengan izinanNya disertasi ini berjaya disiapkan dalam masa yang telah ditetapkan dengan sempurnanya.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia disertasi, Prof. Madya Dr. Md Nasir bin Masran yang telah memberi tunjuk ajar dan bimbingan, sokongan dan nasihat dalam segenap aspek sepanjang sesi pengajian ini.

Ucapan penghargaan ini juga kepada ibunda Maimunah binti Bakri dan ayahanda Wahap bin Che Mat. Sesungguhnya doa dan sokongan kalian sentiasa mengiringi perjuangan dalam usaha untuk menamatkan pengajian ini. Sekalung budi penghargaan saya ucapkan kepada semua ahli keluarga yang tersayang terutama suami yang dikasihi Dr. Mat bin Hj Berahim, anakanda Ahmad Syahmi, Ahmad Rafaie, Ahmad Tabrani dan Nurul Izzah Balqis yang telah banyak memberi sokongan untuk saya terus maju dan berusaha menyiapkan tesis ini.

Penghargaan ini juga saya tujukan kepada guru besar SK Sri Suria (1), dan guru besar SK Tanah Merah 2 yang telah memberi kerjasma dalam proses pengumpulan maklumat berkenaan dengan tugasan yang dijalankan. Akhir sekali, harapan saya agar hasil kajian ini akan digunapakai dalam pengajaran dan pembelajaran murid Pemulihan Khas. Salah satu matlamat kajian ini dilakukan adalah untuk membantu murid-murid Pemulihan Khas menguasai kemahiran membaca dengan cepat dan mudah selain daripada mengurangkan masalah ketidakbolehbacaan dalam kalangan murid di peringkat sekolah rendah.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



# ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keberkesanan penggunaan Kaedah Gabung Bunyi Kata (KGBK) terhadap pencapaian kemahiran membaca dan minat membaca murid Pemulihan Khas di sekolah rendah. KGBK diilhamkan oleh Profesor Emeritus Dato Dr. Isahak Haron pada tahun 1979. KGBK digunakan dalam kajian ini dengan pengubahsuaian dari aspek pemilihan dan penambahan huruf mengikut kebolehan belajar sampel kajian. Kajian dijalankan di dua buah sekolah rendah dalam daerah Tanah Merah, Kelantan. Seramai 30 murid Pemulihan Khas terlibat dalam kajian iaitu 15 orang daripada kumpulan eksperimen yang belajar menggunakan KGBK manakala 15 murid lagi adalah kumpulan kawalan yang belajar menggunakan kaedah konvensional. Kedua-dua kumpulan sampel kajian tidak menguasai kemahiran membaca suku kata terbuka. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuasi eksperimen yang menggunakan instrumen Membaca Saringan 1 dan 2 (LINUS) sebagai ujian pra dan pos. Soalan Kaji Selidik juga digunakan untuk mengetahui minat membaca murid selepas belajar menggunakan KGBK. Hasil analisis statistik inferensi ujian-t menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan {t (30) = 3.567, p > 0.05} antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan dalam pencapaian kemahiran membaca. Hasil analisis ujian-t terhadap minat membaca juga menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan {t (15) =-17.833, p = 0.002 < 0.05). Hasil dapatan kajian menunjukkan penggunaan KGBK boleh meningkatkan pencapaian kemahiran membaca murid Pemulihan Khas serta berjaya menarik minat murid membaca. Kesimpulannya, KGBK merupakan kaedah yang berkesan dan sesuai digunakan untuk mengajar kemahiran membaca kepada murid Pemulihan Khas. Kaedah ini berjaya menarik minat murid membaca dan menguasai kemahiran membaca lebih cepat berbanding kaedah konvensional. Penggunaan KGBK boleh diperluaskan kepada program Pemulihan Khas, Pra Sekolah, Tadika dan kelas Pendidikan Khas dalam usaha membantu murid menguasai dan meningkat penguasaan membaca dalam Bahasa Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



# THE EFFECTIVENESS OF 'KAEDAH GABUNG BUNYI KATA' (KGBK) ON ACHIEVEMENT OF MALAY LANGUAGE READING SKILLS OF SPECIAL RECOVERY STUDENTS

## ABSTRACT

This study was aimed to identify the effectiveness of the use 'Kaedah Gabung Bunyi Kata' (KGBK) method on the achievement of reading skills and reading interest of Special Rehabilitation students in primary school. KGBK was inspired by Professor Emeritus Dato Dr. Isahak Haron in 1979. KGBK was used in this study with modifications in terms of selection and addition of letters according to the study ability of the study sample. This study was conducted in two primary schools in Tanah Merah district, Kelantan. A total of 30 Special Rehabilitation students were involved in this study, namely 15 people from the experimental group who learned to use KGBK while another 15 people were the control group who used conventional methods. Both study sample groups did not master open syllable reading skills. This study used a quasi-experimental design using Screening 1 and 2 (LINUS) instruments as pre and post tests. Survey questions were also used to determine students' interest in reading after they learned to read using The KGBK method. The results of the t-test analysis on reading interest also showed that there was a significant difference {t (15) = 1717.833, p = 0.002 < 0.05). The results of the study show that the use of KGBK can improve the reading skills of Special Rehabilitation students and successfully attract students to read. In conclusion, KGBK is an effective and suitable method to teach reading skills to Special Rehabilitation students. This method succeeds in attracting students to read and master reading skills faster than the conventional method. Use KGBK can be extended to the Special Recovery Program, Preschool, Kindergarten and Special Education classes in order to help students improve reading and increased proficiency in Malay.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


# KANDUNGAN

**Muka Surat**


**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN** ii

**PENGHARGAAN** iii

**ABSTRAK** iv

**ABSTRACT** v

**KANDUNGAN** vi

**SENARAI JADUAL** xiii

**SENARAI RAJAH** xv

**SENARAI SINGKATAN** xvi

**SENARAI LAMPIRAN** xviii

**BAB 1 PENDAHULUAN**

1.1 Pengenalan 1

1.2 Latar Belakang Kajian 4

1.3 Pernyataan Masalah 6

1.4 Objektif Kajian 10

1.5 Persoalan Kajian 11

1.6 Hipotesis Kajian 11

1.7 Kepentingan Kajian 12

1.7.1 Kepentingan Kepada Guru 12

1.7.2 Kepentingan Kepada Murid 13


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi




1.7.3 Kepentingan Kepada Sekolah 14

1.7.4 Pihak KPM dan Jabatan Pendidikan Negeri 15

1.7.5 Kepentingan Kepada Bidang Ilmu Bahasa 16

1.8 Limitasi Kajian 16

1.9 Kerangka Aliran Kajian 20

1.10 Kerangka Konseptual 22

1.11 Definisi Operasional 23

1.11.1 Keberkesanan 23

1.11.2 Kaedah Gabung Bunyi Kata (KGBK) 24

1.11.3 Pencapaian 24

1.11.4 Kemahiran Membaca Bahasa Melayu 25

1.11.5 Murid Pemulihan Khas 26

1.11.6 Kaedah Konvensional 27

1.12 Rumusan 29

**BAB 2 KAJIAN LITERATUR**

2.1 Pengenalan 30

2.2 Teori Berkaitan kajian 31

2.2.1 Teori Tingkah laku Behaviorisme 31

2.2.2 Teori Perkembangan Kognitif 35

2.2.3 Teori Pembelajaran Sosiobudaya Vygotsky 38

2.2.4 Rumusan Teori Dalam Kajian 40

2.3 Model Pengajaran dan Pembelajaran Berkaitan Kajian 41


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi




2.3.1 Model *Bottom Up* 41

2.4 Variasi Kaedah Pengajaran 45

2.4.1 Kaedah Abjad 45

2.4.2 Kaedah Seluruh Perkataan 49

2.4.3 Kaedah Fonik 51

2.4.4 Kaedah Cerakin 52

2.4.5 Kaedah Gabung Bunyi Kata (KGBK) 53

2.4.5.1 Ciri-ciri KGBK 54

2.4.5.2 Prinsip-prinsip KGBK 55

2.4.5.3 Susunan penyampaian KGBK 56

2.5 Kesimpulan 57

2.6 Kajian Berkaitan Minat Murid Terhadap Pengajaran Guru 60

2.7 Kajian-kajian Lepas Tentang Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran 64

2.7.1 Kajian-kajian Membaca Secara Latih Tubi 64

2.7.2 Kajian-kajian Membaca Menggunakan Kaedah Abjad 66

2.7.3 Kajian Membaca Menggunakan Kaedah Fonik 66

2.7.4 Kajian-kajian Membaca Menggunakan Bacaan Bergred 69

2.7.5 Kajian-kajian Membaca Menggunakan 70

2.7.6 Kajian-kajian lain 71

2.8 Rumusan 72


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**


3.1 Pengenalan 74

3.2 Reka Bentuk Kajian 75

3.3 Sampel Kajian dan Populasi 76

3.3.1 Ciri-Ciri Sampel Kajian 78

3.3.2 Ciri-ciri Guru Pemulihan Khas 80

3.4 Lokasi dan tempoh Kajian 81

3.5 Instrumen Kajian 82

3.5.1 Ujian Pra – Pos 83

3.5.2 Manual Penggunaan Saringan Membaca (Literasi) 85

3.5.3 Borang Pelaporan Penguasaan Individu (BPPI) 85

3.5.4 Rancangan Pengajaran Harian (RPH) 86

3.5.5 Instrumen Soal Selidik 87

3.5.6 Kajian Rintis Instrumen Soal Selidik 88

3.5.7 Kebolehpercayaan dan Kesahan Instrumen Soal Selidik Kajian 90

3.5.8 Prosedur Lakuan Ujian Soal Selidik 91

3.5.9 Bahan Bantu Mengajar (BBM) 92

3.6 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian 93

3.7 Pemboleh Ubah Kajian 95

3.8 Penilaian 95

3.9 Tindakan Susulan 96

3.10 Prosedur Perlaksanaan Kajian 97


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



3.10.1 Peringkat Persediaan 97

3.10.2 Peringkat Perlaksanaan Kajian 98

3.10.3 Prosedur Pengumpulan Data 99

3.10.4 Prosedur Ujian Pra-Pos 102

3.10.5 Tatacara Perlaksanaan Ujian Pra-Pos 102

3.11 Prosedur Pengumpulan Dan Penganalisisan Data 103

3.12 Rumusan 104

**BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1 Pengenalan 105

4.2 Profil Sampel Kajian 106

4.3 Ujian Pra – Pos 107

4.3.1 Skor Kemahiran Membaca 108

4.4 Dapatan Hasil Analisis Ujian Pra – Pos Mengikut Konstruk 109

4.2.1 Hasil Analisis Ujian Pra – Pos SKE Mengikut Konstruk 109

4.2.2 Hasil Analisis Ujian Pra – Pos SKK Mengikut Konstruk 112

4.2.3 Hasil Analisis Ujian Pos Mengikut Konstruk Bagi Sampel SKE dan SKK 115

4.5 Dapatan Kajian Hasil Analisis Statistik Kemahiran Membaca 119

4.5.1 Hipotesis 1: Terdapat Perbezaan yang Signifikan Dari Segi Min Pencapaian Kemahiran Membaca Antara Ujian Pra dan Pos Sampel SKE 121

4.5.2 Hipotesis 2: Terdapat perbezaan Signifikan Dari Segi Min Pencapaian Kemahiran Membaca Antara Sampel 123

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


SKE dan SKK Dalam Ujian Pos

4.5.3 Hipotesis 3: Terdapat Perbezaan Yang Signifikan Dari Segi Min Pencapaian Ujian Pra dan Pos bagi Sampel SKE dan SKK dalam Kemahiran Membaca 124

4.6 Rumusan Hasil Analisis Data Ujian Pra dan Pos Sampel SKE dan SKK 129

4.7 Dapatan Hasil Analisis Soal Selidik Kajian Rintis 130

4.8 Dapatan Hasil Analisis Soalan Soal Selidik Kajian Rintis 130

4.8.1 Kebolehpercayaan Soalan Soal Selidik 131

4.9 Skor Minat Murid Belajar 133

4.10 Dapatan Hasil Analisis Peningkatan Minat Murid Belajar kemahiran Membaca 134

4.11 Rumusan 137

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

**BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN RUMUSAN KAJIAN**

5.1 Pengenalan 138

5.2 Ringkasan Kajian 139

5.3 Ringkasan Hasil Dapatan Kajian 142

5.4 Perbincangan Hasil Dapatan Kajian 142

5.4.1 Hasil Dapatan Ujian Pra dan Pos SKE 143

5.4.2 Hasil Dapatan Ujian Pos SKE dan SKK 144

5.4.3 Hasil Dapatan Tahap Penguasaan Kemahiran Membaca SKE 144

5.4.4 Hasil Dapatan Perbandingan Tahap Penguasaan Kemahiran Membaca SKE dan SKK 145

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


5.4.5 Hasil Dapatan Minat Membaca Murid 146

5.5 Keunikan KGBK 147

5.6 Implikasi Kajian 148

5.6.1 Implikasi Kepada KPM dan JPN 148

5.6.2 Implikasi Kepada Guru 149

5.6.3 Implikasi Kepada Murid 150

5.6.4 Implikasi Kepada Bidang Ilmu Bahasa 151

5.7 Cadangan Kajian Lanjutan 151

5.8 Rumusan Keseluruhan Kajian 153

5.9 Penutup 155

**RUJUKAN** 156

**LAMPIRAN**

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


## SENARAI JADUAL


| No. Jadual | | Muka Surat |
|---|---|---|
| 3.1 | Reka Bentuk Kuasi Eksperimental | 76 |
| 3.2 | Konstruk Instrumen Ujian Pra – Pos | 84 |
| 3.3 | Taburan Item Dalam Soalan Soal Selidik | 88 |
| 3.4 | Nilai Cronbach Alpha Kebolehpercayaan Instrumen | 89 |
| 4.1 | Kategori Sampel Kajian | 106 |
| 4.2 | Kategori Sampel yang Terlibat Dalam Ujian Pra dan Pos | 107 |
| 4.3 | Item-Item Yang Diuji Dalam Ujian Pra – Pos | 108 |
| 4.4 | Tahap Penguasaan Bacaan Dalam Kajian | 108 |
| 4.5 | Statistik Deskriptif Skor Min dan Peratus Bagi Ujian Pra dan Pos SKE | 110 |
| 4.6 | Statistik Deskriptif Skor Min dan Peratus Bagi Ujian Pra dan Pos SKK | 112 |
| 4.7 | Statistik Deskriptif Skor Min dan Peratus Bagi Ujian Pos SKE dan SKK | 115 |
| 4.8 | Statistik Skor Min Kemahiran Membaca Ujian Pra Antara Sampel SKE Dan SKK | 119 |
| 4.9 | Keputusan Ujian-t bagi Ujian Pra Sampel SKE dan SKK | 120 |
| 4.10 | Statistik Skor Min Kemahiran Membaca Ujian Pra dan Pos Sampel SKE | 121 |
| 4.11 | Keputusan Ujian-t Kemahiran Bacaan Sampel SKE Ujian Pra dan Pos | 122 |
| 4.12 | Statistik Skor Min Kemahiran Membaca Sampel SKE dan SKK Dalam Ujian Pos | 123 |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi




| | | |
|---|---|---|
| 4.13 | Keputusan Ujian-t membandingkan pencapaian kemahiran membaca Sampel SKE dan SKK dalam Ujian Pos | 123 |
| 4.14 | Ujian-t Menunjukkan Perbezaan Signifikan Min Pencapaian Sampel SKE dalam Ujian Pra dan Pos | 125 |
| 4.15 | Ujian-t Menunjukkan Perbezaan Min Pencapaian Sampel SKK dalam Ujian Pra dan Pos | 126 |
| 4.16 | Keputusan Ujian Pra dan Pos bagi SKE | 127 |
| 4.17 | Perbezaan Keputusan Ujian Pos bagi SKK dan SKE | 128 |
| 4.18 | Nilai *Cronbach Alpha* Kebolehpercayaan Instrumen | 133 |
| 4.19 | Nilai *Cronbach Alpha* Item Insrumen Soal Selidik Kajian Rintis | 132 |
| 4.20 | Skor Minat Murid Belajar Membaca | 133 |
| 4.21 | Statistik Skor Min Peningkatan Minat Murid Membaca dalam Ujian Pra dan Pos Sampel KGBK | 134 |
| 4.22 | Ujian-t Menentukan Skor Min Peningkatan Minat Murid Dalam Ujian Pra dan Pos | 135 |
| 4.23 | Keputusan Ujian Pra dan Pos Minat Murid Membaca Sampel SKE | 136 |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



## SENARAI RAJAH

**No. Rajah** **Muka Surat**


| No. Rajah | | Muka Surat |
|---|---|---|
| 1.1 | Kerangka Aliran Kajian | 21 |
| 1.2 | Kerangka Konseptual Kajian | 22 |
| 2.1 | Model *Bottom-Up* | 43 |
| 2.2 | Susunan Penyampaian KGBK | 44 |
| 2.3 | Model Perlaksanaan Kaedah Abjad | 46 |
| 2.4 | Carta Suku kata KV Bahasa Melayu | 47 |
| 2.5 | Model Pengajaran Kaedah Cerakin | 52 |
| 3.1 | Reka bentuk Ujian Pra-Pos. Diubahsuai dari Chua (2011) | 101 |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


# SENARAI SINGKATAN

| | |
|---|---|
| BBM | Bahan Bantu Mengajar |
| BPK | Bahagian Perkembangan Kurikulum |
| BPPI | Borang Pelaporan Penguasaan Individu |
| CA | *Cronbach Alpha* |
| EPRD | *Educational Planning and Research Department* |
| FPK | Falsafah Pendidikan Kebangsaan |
| IPGM | Institut Pendidikan Guru Malaysia |
| ITBN | Institut Terjemahan Bahasa Negara |
| JPN | Jabatan Pendidikan Negeri |
| JS | Jumlah Sampel |
| KGBK | Kaedah Gabung Bunyi Kata |
| KIA2M | Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis |
| KPM | Kementerian Pendidikan Malaysia |
| KPKI | Kursus Pendek Kelolaan Institut |
| KV | Konsonan Vokal |
| KVKV | Konsonan Vokal Konsonan Vokal |
| LINUS | *Literacy and Numeracy Screening* |
| LPM | Lembaga Peperiksaan Malaysia |
| M | Min |
| MA | Markah maksima |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


| | |
|---|---|
| MI | Markah Minima |
| MMFK | Modul Membaca Fonik Khas |
| NKRA | *National Key Result Area* |
| P | Peratus |
| PAK21 | Pembelajaran Abad ke 21 |
| PP | Perbezaan Peratus |
| PM | Perbezaan Min |
| PPDTM | Pegawai pendidikan Daerah Tanah Merah |
| PPK | Program Pemulihan Khas |
| PPPM | Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia |
| RPH | Rancangan Pengajaran Harian |
| RPT | Rancangan Pengajaran Tahunan |
| S | Sampel |
| Sig. | Signifikan |
| SKE | Sampel Kumpulan Eksperimen |
| SKK | Sampel Kumpulan Konvensional |
| SP | Sisihan Piawai |
| SPSS | *Statiscal Package for Social Sciences* |
| UPSI | Universiti Pendidikan Sultan Idris |
| ZPT | Zon Perkembangan Terhampir |
| 3M | Membaca, menulis dan mengira |

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



## SENARAI LAMPIRAN


| | |
|---|---|
| A | Instrumen Saringan Literasi Membaca, Saringan 1 Tahun 2 (2015) |
| B | Instrumen Saringan Literasi Membaca Saringan 2 Tahun 2 (2015) |
| C | Borang Soal Kaji Selidik |
| D | Borang Pelaporan Penguasaan Individu (BPPI) |
| E | Rancangan Pengajaran Harian (KGBK) |
| F | Rancangan Pengajaran Harian (Konvensional) |
| G | Manual Pentadbiran Instrumen Literasi Membaca Saringan 1 Tahun 2 (2015) |


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

# BAB 1

# PENDAHULUAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 1.1 Pengenalan

Dunia pendidikan memberi sumbangan besar kepada kemajuan sesebuah negara. Hasrat negara Malaysia menjadi sebuah negara maju yang hidup aman dan damai dengan bangsa berbilang kaum boleh tercapai dengan kemajuan dalam dunia pendidikan hari ini. Penerapan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis daripada pelbagai aspek boleh membantu merealisasikan hasrat negara (Saadon Awang, 2010). Oleh yang demikian, pendidikan telah menjadi salah satu agenda penting dalam Bidang Keberhasilan Negara (NKRA). Namun begitu, usaha kerajaan menambahbaik kualiti pendidikan negara serta meningkatkan prestasi pelajar masih belum mencapai kejayaan. Usaha ini perlu ditingkatkan memandangkan masih terdapat masalah buta huruf dalam kalangan rakyat di negara ini (Nazariyah Sani, 2014). Permasalahan tidak menguasai kemahiran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


membaca perlu dipandang serius dan diberi perhatian supaya murid-murid tidak tercicir dalam pembelajaran di sekolah (KPM, 2012).

Oleh yang demikian, di bawah program NKRA, semua murid sekolah rendah mesti celik huruf bermula dari tahun 2010 kecuali murid-murid yang bermasalah pembelajaran. Hasrat ini termaktub dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Murid sekolah rendah yang belum menguasai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M) akan dibantu oleh program Pemulihan Khas pada waktu yang ditetapkan sehingga mereka boleh menguasai kemahiran asas tersebut dan bersedia belajar di kelas arus perdana (Norlaila Kuslan, 2014). Laporan PPPM (2016), turut menyatakan bahawa program *Literacy and Numeracy Screening* (LINUS) dan Pemulihan Khas akan berganding bahu menyelesaikan masalah 3M ini. Namun begitu pada tahun 2019, Program LINUS telah dihentikan perlaksanaannya. Walau bagaimanapun instrumen saringan dan bahan-bahan pengajaran literasi LINUS masih boleh digunapakai sebagai panduan dan rujukan manakala program Pemulihan Khas tetap diteruskan dan dilaksanakan mengikut kehendak sekolah. Guru Pemulihan Khas menjalankan tanggungjawab dan peranannya melaksanakan pengajaran dan pembelajaran menggunakan pelbagai kaedah pengajaran dengan satu matlamat untuk mengurangkan masalah buta huruf.

Menurut Yahya Othman, Aisah Md Daud, Azmey Othman, Dk. Siti Ardiah Pg. Mohiddin dan Maszuraimah Muizz Sulaiman (2012); Yahya Othman, Roselan Baki dan Naffi Mat (2009), penguasaan kemahiran membaca sangat penting dalam kehidupan kanak-kanak dan harus dijadikan rutin dan amalan dalam kehidupan seharian. Kanak-kanak perlu belajar membaca sebelum melangkah ke alam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



persekolahan. Yahya Othman et al. (2012), menjelaskan bahawa sekolah merupakan tempat belajar membaca yang berkesan kerana proses belajar membaca amat ditekan di dalam bilik darjah. Keupayaan murid membaca akan membantu pembelajarannya di sekolah dalam pelbagai cabang ilmu yang lain. Murid yang menguasai kemahiran bacaan akan mempunyai masa depan yang lebih cerah (Zahanim Ahmad, 2013).

Selain itu, kehidupan sesebuah masyarakat dikatakan berkembang maju sekiranya masyarakat tersebut celik huruf (Boily, Ouellet & Turcotte, 2015). Masyarakat yang boleh membaca akan mengubah dunia kehidupan mereka ke arah kemajuan yang hendak dicapai. Bagaimana pun untuk mencapai hasrat ini, penguasaan membaca hendaklah bermula dari peringkat awal lagi agar pencapaian akademik murid-murid dapat ditingkatkan (Suryani Talib, 2015).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menyedari keperluan pembelajaran setiap murid adalah berbeza dari aspek pengalaman, tingkah laku, amalan, bakat dan kebolehan masing-masing maka kelas Pemulihan Khas telah diwujudkan di sekolah-sekolah rendah untuk membantu murid-murid ini (Panduan Am Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah, KPM, 2012) Program Pemulihan Khas yang berkonsepkan *multiple inteligent* dan perbezaan individu memberi peluang kepada murid-murid ‘lembam’ mendapat pendidikan yang sewajarnya (Nurul Haniza Samsuddin, 2017). Pemilihan kaedah pengajaran yang sesuai dengan peringkat kecerdasan murid memberi ruang kepada mereka belajar dan tidak dipinggirkan dalam aktiviti pembelajaran (Suryani Talib, 2015).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Kemahiran membaca amat diperlukan untuk membentuk modal insan yang berkemahiran tinggi terutama apabila negara Malaysia mencapai hasrat menjadi negara maju. Justeru, rakyat perlu menjadikan kemahiran membaca sebagai satu budaya untuk menjadikan sesuatu bangsa itu maju dan mampu memberi sumbangan kepada negara.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Permasalahan buta huruf masih lagi diperkatakan dalam dunia pendidikan hari ini meskipun pelbagai program seperti Pemulihan Khas, KIA2M dan LINUS telah dilaksanakan diperingkat sekolah rendah bagi menangani masalah ini (Chee Sook Ching, Mahzan Arshad & Adenan Ayob, 2018). Melalui Transformasi Pendidikan, KPM telah memperkenalkan program LINUS pada tahun 2010. Program LINUS adalah kesinambungan program KIA2M untuk membantu murid sekolah rendah menguasai kemahiran 3M dengan berkesan dan lebih sistematik (Norfairos Hadzir, Ani Munirah Alias, Aimi Liyana Kamaruzaman & HM. Mohd Yusof, 2016). KPM (2015) mensasarkan semua murid tahap satu yang belum boleh membaca akan mengikuti program LINUS sehingga mereka menguasai kemahiran asas 3M. Murid-murid ini mesti celik huruf sebelum berada dalam tahun empat kecuali murid-murid bermasalah pembelajaran. Oleh yang demikian, keperluan program Pemulihan Khas amat diperlukan bagi membantu KPM mencapai hasrat tersebut. Menurut Norlaila Kuslan (2014), sistem pendidikan negara sering memberi penekanan terhadap penguasaan asas 3M khasnya dalam aspek bacaan. Oleh yang demikian, kerajaan telah mewujudkan kelas-kelas Pemulihan Khas di semua sekolah rendah secara berperingkat bersertakan guru-guru yang terlatih untuk menangani masalah buta huruf.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Prinsip "Menyelesaikan masalah seawal mungkin" dalam Program Pemulihan Khas (PPK) adalah untuk mengelakkan masalah tidak menguasai kemahiran literasi menjadi semakin kritikal dan berterusan hingga ke peringkat sekolah menengah (Jabatan Pendidikan Khas, 2012). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) dalam laporan awalnya menyatakan bahawa KPM begitu komited demi memastikan semua murid boleh menguasai kemahiran 3M sepenuhnya. Berita Utusan Online bertarikh 28 Mac 2016 bertajuk "Kelas Pemulihan Kuasai Literasi dan Numerasi" menunjukkan program Pemulihan Khas oleh KPM banyak membantu meningkatkan tahap penguasaan bacaan murid. Selain itu, hasil dapatan kajian Norlaila Kuslan (2014) turut menyatakan bahawa murid-murid yang bermasalah dalam penguasaan bacaan banyak dibantu oleh Program Pemulihan Khas yang diwujudkan di setiap sekolah pada hari ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Wan Nurzuliana Wan Ahmad dan Zamri Mahamod (2016), kanak-kanak perlu menguasai kemahiran bacaan seawal mungkin untuk membolehkan mereka memperolehi ilmu pengetahuan melalui proses pembacaan selain daripada ketika berkomunikasi dan berinteraksi antara satu sama lain. Gupta (2013), menyatakan kanak-kanak mempunyai masa depan yang cerah sekiranya mereka menguasai kemahiran bacaan dan mendapat pencapaian yang baik dalam pelajaran. Oleh yang demikian bagi memastikan semua murid sekolah rendah menguasai literasi, keperluan belajar murid dan penggunaan kaedah pengajaran perlu dipelbagaikan mengikut kemampuan belajar murid. Ini kerana wujudnya perbezaan dalam kemahiran intelektual dan kebolehan belajar dalam kalangan kanak-kanak (Isahak Haron, 2004). Pengkaji berpendapat kepelbagaian kaedah pengajaran yang digabungkan dalam satu kaedah pengajaran mampu membolehkan murid belajar membaca dengan lebih cepat dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


berkesan (Isahak Haron, 2004). Kaedah Gabung Bunyi Kata (KGBK) didapati mempunyai ciri-ciri tersebut. Guru juga perlu mahir mencambah minat murid untuk belajar membaca dengan menggunakan aktiviti pengajaran dan bahan bantu mengajar yang berkesan.

## 1.3 Pernyataan Masalah

Pelajar merupakan cerminan bagi kemajuan sesebuah negara. Pendidikan berkualiti dalam pelbagai aspek adalah matlamat utama dalam melahirkan rakyat yang berkebolehan dan mampu bersaing dalam abad ke-21 (KPM, 2013). Bagi mencapai matlamat tersebut, KPM mensasarkan peratus sifar buta huruf menjelang tahun 2020. Namun demikian, masalah literasi masih belum dapat ditangani sehingga ke hari ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pernyataan masalah yang pertama dalam kajian ini ialah permasalahan penguasaan literasi yang semakin meningkat saban tahun. Laporan Tahunan 2015, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM 2013-2025) berdasarkan kepada Ujian Saringan LINUS ke atas murid tahun tiga antara tahun 2013 hingga 2015. Pada tahun 2013, peratus lulus kemahiran literasi murid tahun tiga adalah sebanyak 99.10% tetapi pada tahun 2014, peratus lulus adalah 98.70%. Ini menunjukkan penurunan peratus sebanyak 0.40%. Pada tahun 2015 pula, peratus lulus literasi adalah sebanyak 98.68%. Sekali lagi penurunan peratus berlaku sebanyak 0.02%. Laporan Data Tahunan 2017 (PPPM 2013-2025) juga menunjukkan peratusan lulus literasi murid tahun tiga juga merosot dari tahun-tahun sebelumnya iaitu sebanyak 98.30%. Peratus lulus bagi tahun 2018 juga menurun sebanyak 0.40% iaitu 97.90% (Malaysia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Education Blue Print 2012-2025, 2018). Walaupun angka penurunan peratusan ini agak kecil namun tetap memberi impak kepada dunia pendidikan negara kita. Persoalannya, adakah program yang dirancang tidak mampu meningkatkan pencapaian kemahiran membaca murid-murid sekolah di negara kita. Di manakah silapnya?

Oleh kerana pengkaji menjalankan kajian ini di negeri Kelantan maka pengkaji mengambilkira permasalahan buta huruf yang semakin membimbangkan di negeri ini. Dapatan daripada laporan Unit Pemulihan Khas, Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan pada bulan Jun, 2015 menunjukkan seramai 5655 orang murid di Kelantan masih tidak menguasai kemahiran membaca (UPK, JPNK, 2015). Laporan data pada bulan Jun, 2018 pula menunjukkan seramai 4494 orang murid tahap satu belum menguasai kemahiran literasi (KPM, 2018). Permasalahan tidak menguasai kemahiran membaca dipandang serius kerana ianya memberi impak yang mendalam terhadap masa depan murid tersebut (Tamam Timbang, 2010).

Menurut Abdul Rasid Jamian (2016), kelemahan menguasai kemahiran membaca akan menjejaskan pembelajaran murid di dalam kelas. Permasalahan ini membunuh minat dan semangat murid untuk berada di dalam kelas bagi tujuan untuk belajar. Sehubungan itu, tindakan perlu diambil untuk menangani masalah ini agar bilangan murid tidak menguasai kemahiran membaca dapat dikurangkan. Semua pihak seperti murid, guru, ibu bapa, sekolah dan pihak kerajaan perlu bekerjasama bagi mengenalpasti masalah ini agar ia dapat ditangani sebaik mungkin.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Pernyataan masalah yang kedua ialah murid tidak dapat menguasai pengajaran guru kerana kaedah pembelajaran yang dijalankan kurang sesuai dengan kebolehan dan keupayaan murid belajar. Vikneswari (2014), menyatakan meskipun kurikulum dan sukatan pelajaran sentiasa berubah meningkat maju namun perubahan dalam dunia pedagogi tidak berlaku. Oleh yang demikian, bilangan murid tidak menguasai kemahiran membaca akan terus terus meningkat. Menurut Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying dan Sharifah Fakhriah Syed Ahmad (2012) penguasaan bacaan akan hanya berlaku apabila wujudnya proses pengajaran dan pembelajaran yang terancang. Yahya Othman et al. (2012) menyatakan untuk mengatasi masalah tidak menguasai kemahiran membaca, guru perlu menggunakan kaedah yang sesuai semasa mengajar kemahiran membaca. Pemilihan kaedah pengajaran yang sesuai akan menjadikan pembelajaran berkesan dan mendorong kanak-kanak untuk lebih berminat belajar membaca.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Abdul Rasid Jamian (2011), pengajaran membaca hendaklah diajar dengan berkesan supaya pencapaian penguasaan bacaan murid dapat ditingkatkan. Kaedah pengajaran yang sesuai akan menjadikan pembelajaran berkesan, menarik minat dan memotivasikan murid serta mengelakkan rasa bosan murid terhadap pelajaran tersebut. Khadijah dan Zalizan (2010), dalam kajiannya ke atas pembelajaran awal membaca kanak-kanak mendapati sebanyak 21.40% kenal satu huruf sahaja manakala 1.30% tidak dapat membaca dan sebanyak 25.60% pula tidak boleh mengeja. Keadaan ini amat membimbangkan. Persoalannya ialah, adakah berkemungkinan disebabkan oleh ketidakkeberkesanan kaedah yang digunakan oleh guru ketika dalam pengajaran menyebabkan kanak-kanak tersebut gagal dalam kemahiran membaca?.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Dapatan kajian Roslan Chin dan Nurahimah Yusoff (2017) pula menyatakan pembelajaran mengunakan kaedah dan teknik pengajaran yang kurang berkesan dan bersifat konvensional menyebabkan murid tidak berminat untuk belajar kemahiran membaca. Hal ini menyebabkan murid keciciran dalam pelajaran kerana masalah kehadiran dan ponteng kelas. Justeru, gaya pengajaran guru perlu berubah dan pemilihan kaedah pengajaran juga perlu sesuai dengan keupayaan belajar murid-murid Pemulihan Khas supaya mereka boleh dibantu menguasai kemahiran membaca dengan cepat (Roslan Chin & Nurahimah Yusoff, 2017).

Hasil dapatan kajian Norlaila Kuslan (2014), turut menyatakan murid-murid Pemulihan Khas perlu dibantu untuk menguasai kemahiran membaca melalui pengajaran guru yang berkesan, pemilihan kaedah dan aktiviti pengajaran serta penggunaan bahan bantu mengajar yang sesuai disamping kerap memberi motivasi dan bimbingan serta kreatif dalam setiap tindakan. Pembelajaran yang sesuai dengan kebolehan belajar murid akan membantu mempercepatkan pencapaian penguasaan bacaan dalam masa yang singkat. Menurut Jamaluddin Abdul Rahman (2013), KGBK adalah kaedah pembelajaran yang paling tepat dan berkesan untuk meningkatkan pencapaian penguasaan bacaan murid.

Pernyataan masalah yang ketiga pula ialah hilangnya minat murid untuk belajar kemahiran membaca. Menurut Nurul Haniza Samsudin (2017), pencapaian literasi membaca seseorang murid sangat bergantung kepada pengajaran guru. Guru sering menggunakan kaedah *chalk and talk* sebagai amalan pengajaran supaya sukatan pelajaran dapat diajar dan diselesaikan pada masa yang ditetapkan (Roslan Chin & Nurahimah Yusoff, 2017) akan menimbulkan rasa bosan dan mematikan minat murid

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


untuk mengikuti pengajaran tersebut. Menurut Tuzana Mohamad (2014), murid Pemulihan Khas sukar untuk mengikuti pengajaran kemahiran membaca di dalam kelas kerana aras pengajaran guru yang terlalu tinggi berbanding dengan kebolehan murid menerima pengajaran tersebut. Justeru, untuk menangani masalah buta huruf, pengajaran guru seharusnya boleh menarik minat dan perhatian murid. Guru harus bijak menstruktur tahap pengajaran dengan menggunakan kaedah dan aktiviti yang sesuai agar pengajaran lebih berkesan dan bermakna kepada murid (Abdul Rasid Jamian, 2011). Berdasarkan kepada penyataan masalah yang diutarakan maka kajian ini patut dijalankan bagi menangani masalah buta huruf dalam kalangan murid yang belum menguasai kemahiran bacaan. Kajian ini akan memperkenalkan pendekatan pengajaran KGBK dalam usaha membantu murid menguasai kemahiran bacaan dengan mudah dan cepat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1.4.1 Mengenal pasti keberkesanan KGBK terhadap pencapaian kemahiran membaca murid-murid Pemulihan Khas.

1.4.2 Membandingkan pencapaian kemahiran membaca murid-murid Pemulihan Khas yang belajar menggunakan KGBK dengan murid-murid Pemulihan Khas yang belajar menggunakan kaedah konvensional.

1.4.3 Mengenal pasti minat murid Pemulihan Khas selepas belajar membaca menggunakan KGBK.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



## 1.5 Persoalan Kajian

1.5.1 Sejauhmanakah belajar menggunakan KGBK boleh meningkatkan pencapaian kemahiran membaca murid-murid Pemulihan Khas?

1.5.2 Sejauhmanakah terdapat perbezaan pencapaian kemahiran membaca murid-murid pemulihan khas yang belajar menggunakan KGBK dengan murid-murid Pemulihan Khas yang belajar menggunakan kaedah konvensional?

1.5.3 Sejauhmanakah belajar menggunakan KGBK boleh meningkatkan minat murid Pemulihan Khas belajar membaca?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

## 1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian adalah seperti di bawah ini:

**H1:** Terdapat perbezaan yang signifikan dari segi min pencapaian kemahiran membaca antara Ujian Pra dan Pos bagi sampel Eksperimental.

**H2:** Terdapat perbezaan yang signifikan dari segi min pencapaian kemahiran membaca antara sampel Eksperimental dan sampel Kawalan dalam ujian pos.

**H3:** Terdapat perbezaan yang signifikan dari segi min pencapaian Ujian Pra dan Pos bagi sampel Eksperimental dan sampel Kawalan dalam kemahiran membaca.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


**H4:** Terdapat perbezaan yang signifikan dari segi min pencapaian minat murid belajar kemahiran membaca menggunakan KGBK di antara Ujian Pra dan Pos.

## 1.7 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian dibentuk melalui penyataan masalah dan objektif kajian yang ingin dicapai. Kepentingan kajian ini dilihat dari aspek guru, murid, sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia dan bidang ilmu bahasa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

### 1.7.1 Kepentingan Kepada Guru

Kajian ini mempunyai kepentingan kepada para guru. Guru-guru Bahasa Melayu boleh menjadikan hasil kajian ini sebagai panduan dan bahan rujukan untuk merangka pengajaran di dalam bilik darjah. Para guru boleh menilai semula pengajaran mereka sebelum ini setelah menggunakan KGBK di dalam kelas untuk meningkatkan lagi kualiti pengajaran mereka ke tahap yang lebih baik. Selain itu, dapatan kajian ini juga membolehkan para guru mempelbagaikan kaedah pengajaran mereka dan menyesuaikannya mengikut kebolehan dan keupayaan murid yang diajar. Guru yang bagus dan kreatif serta berkebolehan memilih kaedah, teknik dan aktiviti pengajaran yang sesuai dengan keupayaan murid serta berjaya menstrukturkan tahap pembelajaran menjadi lebih mudah difahami boleh membantu murid menguasai pelajaran yang diajar (Abdul Jalil Othman, Norzan Normarini, Ghazali Darusalam & Saedah Siraj, 2011).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Selain itu, kajian ini akan menambah dan mempelbagaikan lagi bahan rujukan dalam pengkaedahan mengajar dalam aspek literasi yang boleh digunapakai oleh semua guru tahap satu dan guru Pemulihan Khas yang mengajar kemahiran membaca. Hasil kajian ini boleh dijadikan rujukan dan garis panduan kepada guru ganti atau guru sandaran. Guru yang baik akan memilih hasil kajian yang terbaik untuk dijadikan contoh bagi menghasilkan pengajaran yang berkesan. Bahan kajian yang banyak dan pelbagai membolehkan guru-guru memilih bahan kajian yang terbaik untuk digunapakai di dalam kelas (Wan Nurzuliana Wan Ahmad & Zamri Mahamod, 2016).

Seterusnya, pengkaji mengharapkan dapatan kajian ini boleh membantu guru meningkatkan lagi keberkesanan pengajaran dan prestasi pencapaian murid dalam kemahiran membaca dengan lebih cepat. Rancangan Pengajaran Harian (RPH) yang dihasilkan oleh guru akan membantu murid menguasai kemahiran yang diajar kerana penggunaan KGBK dalam RPH membolehkan isi pelajaran disusun secara sistematik dari mudah kepada yang sukar secara kumulatif (Isahak Haron, 2012).

### 1.7.2 Kepentingan Kepada Murid

Kajian ini juga berkepentingan kepada murid-murid sekolah. Dapatan hasil kajian telah membuktikan KGBK mampu membantu murid-murid Pemulihan Khas belajar membaca dengan cepat tanpa perlu menghafal 26 huruf rumi dalam sistem ejaan bahasa Melayu yang mewakili 27 fonem. Murid lebih berminat dan bermotivasi untuk belajar kerana dalam tempoh masa yang singkat murid sudah boleh membaca (Muhammad Saiful Haq Hussin, Nik Hafizah Ab. Rahman & Agus Syahrani, 2012). Selain bertujuan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


untuk menangani masalah membaca, kajian ini dapat meningkatkan lagi pencapaian murid dalam penguasaan kemahiran membaca pada tahap maksima. Program Intervensi menggunakan KGBK yang dijalankan mampu mempercepatkan proses penguasaan bacaan murid Pemulihan Khas.

### 1.7.3 Kepentingan Kepada Sekolah

Dapatan kajian turut memberi kepentingan kepada pihak sekolah dalam merealisasikan matlamat memastikan semua murid melepasi tahap penguasaan membaca seawal mungkin sebelum menjejakkan kaki ke tahun empat (KPM, 2012). Sebagai langkah awal, pihak sekolah boleh menggunakan instrumen kajian ini untuk mengenalpasti kebolehbacaan murid disamping menilai tahap kebolehan membaca murid Tahap Satu. Seterusnya dalam memastikan semua murid celik huruf, pihak pentadbir sekolah hendaklah memastikan semua guru menggunakan kaedah pengajaran yang sesuai disamping menyediakan kemudahan peralatan dan bahan bantu mengajar (BBM). Oleh kerana penggunaan KGBK boleh membantu murid menguasai kemahiran bacaan dengan lebih cepat, Jawatan kuasa Panitia Bahasa Melayu boleh merancang aktiviti pengayaan dan pemulihan di peringkat sekolah dengan menyebarluaskan penggunaan kaedah KGBK dalam kalangan guru-guru Bahasa Melayu Tahap Satu. Kerjasama antara guru dan pihak sekolah penting untuk memastikan semua murid menguasai kemahiran asas 3M dan menjadikan sekolah cemerlang dalam kurikulum (Roslan Chin & Nurahimah Yusoff , 2017).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



### 1.7.4 Pihak KPM dan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN)

Hasil kajian ini memberi panduan dan menjadi salah satu bahan rujukan kepada pihak KPM atau JPN. Kajian ini juga mampu menjadi penanda aras kepada kaedah pengajaran guru-guru Pemulihan Khas di dalam kelas. Kaedah ini pernah menjadi pilihan keempat dalam buku Panduan Am, Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) pada tahun 1981. Oleh yang demikian, pengkaji berasa kaedah ini perlu dihidupkan kembali berdasarkan kepada kekuatan dan kelebihan yang ada dalam kaedah ini. Keberkesanan KGBK telah pun terbukti melalui hasil kajian ini.

KGBK amat sesuai digunakan dalam pengajaran Pemulihan Khas kerana kekuatan pendekatan tersebut membolehkan pengajaran dijalankan secara terancang selain daripada prinsip KGBK yang tidak membebankan murid malah memotivasikan mereka untuk terus belajar membaca. Isi pelajaran sesuatu kemahiran dalam KGBK disusun secara berturutan dan sistematik selain daripada bersifat *developmental* dan kumulatif (Isahak Haron, 2004). Hal ini membolehkan para guru menjalankan proses pengajaran kemahiran membaca secara terancang dan memudahkan murid belajar kemahiran membaca dengan lebih cepat (Isahak Haron, 2010).

Pengkaji juga berharap dengan adanya kajian ini, pihak KPM boleh merancang kursus-kursus pedagogi yang berkaitan dengan pengkaedahan pengajaran KGBK untuk bakal guru yang berada di pusat-pusat pengajian tinggi dan di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) bagi memudahkan mereka melaksanakan pengajaran kemahiran membaca menggunakan kaedah KGBK di sekolah kelak. Selain itu, KPM atau JPN boleh menganjurkan kursus-kursus pengkaedahan pengajaran membaca menggunakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


kaedah KGBK dalam usaha melatih para guru menggunakan kaedah ini kelak. Oleh demikian kaedah ini mampu menjadi sumber inspirasi kepada KPM dan JPN dalam mengenalpasti masalah literasi yang berlaku di peringkat sekolah rendah.

### 1.7.5 Kepentingan Kepada Bidang Ilmu Bahasa

Kepentingan terakhir dalam kajian ini menjurus kepada bidang ilmu bahasa Melayu. Setiap kajian yang dijalankan akan menambah dan mempelbagaikan khazanah ilmu berkaitan dengan kaedah pengajaran murid-murid Pemulihan Khas.Kajian-kajian sebegini sangat membantu meningkatkan keberkesanan dan kemajuan dalam dunia pendidikan. Kajian harus dijalankan dari masa ke semasa untuk menghasil dan menambahbaik bidang pendidikan seiring dengan kemajuan negara. Selain itu, hasil kajian akan membantu para pengkaji seterusnya untuk menjalankan kajian yang lebih mendalam tentang pengkaedahan pengajaran.

## 1.8 Limitasi Kajian

Setiap kajian yang dijalankan mempunyai limitasi. Limitasi akan mempengaruhi tahap signifikan sesuatu kajian (Othman Talib, 2013). Pengkaji yang baik akan menjadikan aspek limitasi sebagai perkara yang perlu dititikberatkan sebelum menjalankan kajian. Limitasi kajian merupakan ruang lingkup atau skop kajian yang terdapat dalam penyelidikan. Dalam kajian ini, limitasi kajian yang ditetapkan adalah meliputi sampel kajian, guru, masa, tempat, sukatan pelajaran dan kaedah pengajaran yang digunakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Limitasi kajian yang pertama merupakan sampel kajian. Pengkaji menggunakan seramai 30 sampel yang terdiri daripada murid-murid Pemulihan Khas yang berumur lapan tahun (tahun semasa). Sampel kajian tersebut dibahagi kepada sampel eksperimen seramai 15 orang manakala 15 sampel lagi mewakili sampel kawalan. Oleh kerana bilangan maksima murid Pemulihan Khas dalam sesesebuah kelas Pemulihan Khas adalah seramai 15 orang maka bertepatanlah bilangan sampel yang digunakan oleh pengkaji dalam melaksanakan kajian ini. Persampelan terdiri daripada murid yang tidak menguasai kemahiran membaca disebabkan oleh faktor persekitaran. Mereka belum boleh membaca berbanding dengan rakan-rakan seusia mereka yang belajar dalam kelas arus perdana. Pemilihan sampel adalah bertepatan dengan masa kajian dijalankan. Intervensi dijalankan ke atas sampel kajian pada awal Mac 2019 di mana sampel kajian masih tidak dipengaruhi dengan kaedah pengajaran yang lain selain daripada KGBK dan kaedah konvensional bagi melihat hasil pencapaian murid dalam kemahiran membaca.

Oleh kerana kanak-kanak Pemulihan Khas ini mempunyai keupayaan bacaan yang pelbagai maka penetapan kriteria pemilihan sampel kajian ditetapkan oleh pengkaji supaya sampel kajian yang menepati kriteria sahaja dipilih. Dalam hal ini, pemilihan sampel kajian adalah bergantung kepada keputusan Ujian Saringan 2 LINUS 2.0 (Membaca) yang dijalankan pada bulan Oktober tahun 2018. Sampel kajian mesti menguasai menguasai Konstruk 1 dan 2 iaitu murid berkeupayaan membaca (membunyikan) huruf vokal dan konsonan serta berkeupayaan membaca dan menulis suku kata terbuka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Limitasi kajian yang kedua ialah penglibatan guru. Dua orang guru opsyen Pemulihan Khas dari dua buah sekolah yang terlibat dalam kajian ini akan menjadi tenaga pengajar. Kedua-dua guru ini mempunyai pengalaman mengajar murid Pemulihan Khas lebih daripada sepuluh tahun. Untuk mengelakkan kekeliruan dan mendapat hasil yang tulen, pengkaji sendiri bertindak sebagai tenaga pengajar bagi kumpulan eksperimen. Pengkaji akan menggunakan pendekatan KGBK dalam pengajaran selepas mendapat pandangan penyelia dan kebenaran daripada empunya kaedah iaitu Profesor Emeritus Dato' Dr. Isahak Haron. Bagi kumpulan kawalan, seorang guru Pemulihan Khas dari sekolah tersebut akan melaksanakan kaedah konvensional dalam pengajarannya. Guru berkenaan yakin dengan corak pengajarannya menggunakan kaedah konvensional yang berupakan kaedah abjad boleh membantu murid Pemulihan Khas menguasai kemahiran membaca dengan baik. Bagaimanapun, pengkaji tetap mendapatkan pandangan daripada pihak Pejabat Pendidikan Daerah Tanah Merah (Pegawai Pemulihan Khas) sebelum memilih guru dan sekolah yang untuk dilibatkan dalam kajian.

Limitasi ketiga ialah tempoh masa kajian dijalankan. Kajian ini mengambil masa selama 12 minggu (tidak termasuk hujung minggu dan cuti umum) bermula dari Mac hingga Mei 2019. Jangka masa tiga bulan ini dipilih mengikut jadual pembelajaran bahasa Melayu di kelas Pemulihan Khas. Intervensi dijalankan sebanyak tiga kali seminggu. Masa yang diperuntukkan adalah selama 60 minit bagi setiap kali sesi dijalankan. Pengkaji berpendapat jangka masa ini adalah sesuai dan mencukupi untuk melihat kebolehan membaca murid setelah belajar menggunakan KGBK dalam setiap sesi pengajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Limitasi kajian yang keempat adalah lokasi kajian dijalankan. Pengkaji telah memilih sekolah sendiri dan sebuah lagi sekolah yang terletak dalam jajahan daerah Tanah Merah, Kelantan sebagai lokasi kajian. Pemilihan sekolah dibuat berdasarkan kedua-dua sekolah ini berada di dalam bandar dan bergred A serta bilangan murid yang ramai belum menguasai konstruk 3 dalam kemahiran membaca. Pemilihan dua buah sekolah juga dibuat kerana setiap sekolah hanya mempunyai sebuah kelas Pemulihan Khas sahaja dan bilangan murid yang menepati kriteria kajian adalah tidak mencukupi. Selain itu, hasil kajian akan lebih tepat sebab sampel berlainan sekolah dan tidak akan terpengaruh dengan kaedah pengajaran lain yang akan dilaksanakan di kelas Pemulihan Khas.

Limitasi kajian yang kelima adalah kaedah dan sukatan pelajaran yang digunakan dalam kajian ini. Kajian ini membataskan hanya sukatan pelajaran Pemulihan Khas dari Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia Tahun 2019 sahaja digunakan sebagai rujukan dalam menyediakan Rancangan Pengajaran Harian (RPH). Selain itu, kaedah pengajaran KGBK dan kaedah konvensional sahaja digunakan dalam kajian ini. Bagaimana pun guru bebas memilih strategi dan teknik pengajaran serta bahan bantu mengajar yang difikirkan sesuai untuk kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



## 1.9 Kerangka Aliran Kajian

Kerangka aliran kajian merupakan satu perancangan yang berbentuk dokumentasi kepada pengkaji. Ia akan menjadi panduan kepada pengkaji bagi mengenalpasti setiap proses kajian mengikut bab-bab kajian yang telah ditetapkan. Setiap tindakan pengkaji akan mengikut objektif yang ditetapkan (Othman Talib, 2013).

Dalam kajian ini, pengkaji telah membentuk kerangka aliran kajian bagi menentukan hala tuju kajian. Setiap tindakan kajian akan berpandukan kerangka aliran kajian yang dilaksanakan. Kerangka aliran kajian terdiri daripada dua bahagian iaitu teoretikal dan empririkal. Bahagian teorerikal melibatkan bab satu, dua dan tiga. Manakala bahagian empririkal merangkumi bab empat dan lima kajian (rujuk Rajah 1.1).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi




*Rajah 1.1.* Kerangka Aliran Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



## 1.10 Kerangka Konseptual

Rajah 1.2 merupakan kerangka konseptual dalam kajian ini. Menurut Othman Talib (2013), kerangka konseptual kajian merujuk kepada struktur set idea dan teori yang digabung jalinkan dalam suatu kajian bagi memudahkan penjelasan objektif kajian dan persoalan kajian. Pemilihan skop kajian ini dibuat kerana pengkaji ingin mengenal pasti keberkesanan KGBK dalam meningkatkan penguasaan bacaan murid Pemulihan Khas dengan lebih cepat.

Bagi memahami dengan lebih jelas proses membaca, pengkaji telah memilih tiga teori pembelajaran yang berkesan iaitu Teori Tingkah laku Behaviorisme, Teori Perkembangan Kognitif dan Teori Pembelajaran Vygotsky bagi menyokong kajian ini. Teori-teori ini dipilih kerana konsep pengajaran dan pembelajaran Bahasa yang terkandung di dalamnya bersesuaian dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji.




*Rajah 1.2.* Kerangka Konseptual Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



## 1.11 Definisi Operasional

Definisi operasional menerangkan istilah penting dari pandangan orang lain yang sama maksud dengan istilah yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini (Othman Talib, 2013). Istilah dalam kajian ini ialah keberkesanan, Kaedah Gabung Bunyi Kata (KGBK), kaedah konvensional, pencapaian, kemahiran membaca Bahasa Melayu dan murid Pemulihan Khas. Berikut adalah huraian yang berkaitan dengan istilah-istilah tersebut.

### 1.11.1 Keberkesanan

Kamus Pelajar Edisi Kedua (2016) mendefinisikan keberkesanan sebagai keadaan atau hal berkesan. Berdasarkan Kamus Dewan (Edisi Keempat, 2005), keberkesanan ialah menimbulkan hasil yang diharapkan membawa kepada suatu perubahan (perkembangan), efektif atau mendatangkan sesuatu pengaruh kepada pemikiran (sikap, watak dan sebagainya) seseorang atau sesuatu golongan dan lain-lain (seperti mengubah sikap, membangkitkan sesuatu kecenderungan atau perasaan dan sebagainya).

Dalam kajian ini, keberkesanan adalah hasil yang diperolehi selepas menggunakan KGBK dalam pengajaran dan pembelajaran membaca. Hasil dilihat berdasarkan kepada peningkatan penguasaan kemahiran membaca murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



### 1.11.2 Kaedah Gabung Bunyi Kata (KGBK)

Kaedah dedifinisikan sebagai cara, aturan, hukum atau prinsip dalam membuat sesuatu (Kamus Dewan, Edisi Keempat, 2015). Kaedah adalah suatu siri tindakan yang sistematik dan tersusun untuk mencapai sesuatu matlamat. KGBK merupakan kaedah pengajaran awal membaca yang diilhamkan oleh Prof Emiritus Dato' Dr. Isahak Haron pada tahun 1979 untuk membantu murid membaca dengan cepat. Kandungan KGBK ibarat empat dalam satu iaitu dalam KGBK mengandungi kaedah abjad, fonik, cerakin dan seluruh perkataan. KGBK mengambil kekuatan daripada kaedah di atas yang digabungkan menjadi satu kaedah pengajaran untuk digunakan dalam pengajaran membaca. Melalui pendekatan KGBK murid tidak perlu mengetahui atau belajar kesemua abjad sebelum boleh diajar membaca. Hanya dengan beberapa huruf vokal yang digabungkan dengan satu huruf konsonan, perkataan boleh terus dibentuk dan dibaca. Dalam KGBK, susunan bahan-bahan pengajaran adalah secara berturutan dan *developmental*, kumulatif dan sistematik untuk memudahkan guru mengajar dan murid belajar membaca Bahasa Melayu.

### 1.11.3 Pencapaian

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015), pencapaian bermaksud mendapatkan sesuatu dengan usaha. Dalam kajian ini pencapaian bermaksud tahap tertentu yang dicapai oleh murid Pemulihan Khas terhadap kemahiran membaca dengan menggunakan pendekatan KGBK. Kemampuan murid akan dinilai untuk melihat peningkatan kemahiran membaca menggunmakan kaedah ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


### 1.11.4 Kemahiran Membaca Bahasa Melayu

Membaca ditakrifkan sebagai memerhatikan isi sesuatu yang tertulis atau tercetak dengan teliti dan memahami makna kandungannya (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2015). Membaca melibatkan huruf dan makna daripada bahan bercetak atau terjemahan daripada sesuatu simbol. Kemahiran membaca juga dikatakan suatu tindakan yang sangat kompleks yang melibatkan persepsi, makna, perasaan, dan pemikiran (Tuzana Mohamad, 2014).

Dalam kajian ini, kemahiran membaca dalam Bahasa Melayu bagi murid Pemulihan Khas perlu ditingkatkan agar mereka boleh membaca dengan cepat. Aspek bacaan amat ditekankan dalam pengajaran kerana kebolehan menguasai bacaan merupakan pemangkin kepada setiap kejayaan dalam pelajaran yang lain (Peng, C., 2015). Selain itu, Bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan dan wajib dipelajari oleh semua murid di Malaysia (Abdul Rasid Jamain, 2011). Bahasa Melayu mengandungi 26 abjad dengan struktur suku kata yang jelas. Kemahiran membaca Bahasa Melayu mudah dipelajari dengan menggunakan pelbagai kaedah pengajaran. Antara pendekatan yang mampu membolehkan murid belajar membaca dengan cepat ialah pendekatan KGBK (Nani Menon, 2000).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



### 1.1.5 Murid Pemulihan Khas

Menurut Roslan Chin dan Nurahimah Yusoff (2017), murid Pemulihan Khas ialah kanak-kanak yang menghadapi kesukaran dalam penguasaan kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M) disebabkan oleh faktor persekitaran dan bukan kognitif. Jika diperhatikan ciri-ciri tertentu dapat dilihat pada murid-murid Pemulihan Khas dari aspek emosi, tingkah laku, sosial, kesediaan belajar, kesihatan, dan pengamatan (Nurul Haniza Samsudin, Puteri Roslina Abdul Wahid & Nur Azimah Mohd Bukhari, 2018).

Murid Pemulihan Khas mempunyai emosi dan tingkah laku yang berbeza dengan rakan sebayanya. Perasaan rendah diri dan sering berasa bimbang ketika bersama rakan sebaya dan semasa berada di dalam kelas. Mereka mempunyai perasaan sedih, hiba dan duka apabila dimarahi guru. Mereka juga cepat berasa bosan atau jemu terhadap pembelajaran di dalam kelas. Ini kerana daya tumpuan mereka lemah selain daripada perbendaharaan kata yang kurang luas. Mereka juga mempunyai perasaan takut akan perkara-perkara baru hingga menyebabkan mereka bersikap pasif. Sikap degil, nakal, malas dan suka melawan serta tidak mematuhi peraturan menyebabkan kehadiran mereka tidak disenangi oleh rakan-rakan. Murid-murid ini kurang bermotivasi, mudah marah, dan kurang bertanggung jawab dalam sesuatu perkara yang dilakukan.

Menurut Puteri Roslina Abdul Wahid, Nur Azimah Bukhari dan Nurul Haniza Samsudin (2017), murid Pemulihan Khas memerlukan bantuan dan bimbingan guru untuk belajar. Mereka sukar menyelesaikan sendiri hal-hal yang berkaitan dengan pelajaran. Selain itu, murid ini gagal menggunakan pengetahuan baru yang diperolehi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


melalui pembelajaran kepada situasi sebenar yang dilaluinya. Mereka tidak mampu menghubungkaitkan pelajaran yang telah dipelajari dengan pelajaran baru kerana daya pemikiran mereka yang lemah. Keadaan ini menyukarkan mereka mengingat kembali perkara-perkara yang pernah dipelajari kerana mereka mudah lupa maklumat yang tidak diulangi dengan kerap. Faktor-faktor ini juga menjadi punca murid-murid Pemulihan Khas lemah dalam pembelajaran dan mendorong kepada masalah ketidakhadiran dan keciciran dalam pembelajaran di sekolah.

KPM (2013), merumuskan bahawa murid Pemulihan Khas lemah dalam penguasaan bacaan kerana faktor persekitaran dan bukan disebabkan oleh faktor kognitif. Murid pemulihan agak ketinggalan dalam pelajaran kerana gaya belajar yang berbeza, pengalaman, bakat dan minat yang tidak sama dengan rakan seusia mereka yang lain. Mereka perlu dibantu dengan pengajaran pemulihan yang menggunakan pendekatan, strategi, kaedah dan teknik tertentu untuk membolehkan mereka menguasai kemahiran bacaan dengan berkesan. Hakikatnya, murid-murid Pemulihan Khas tidak mampu untuk belajar sendiri. Mereka perlukan sokongan dan bimbingan guru serta rakan sebaya untuk menguasai pelajaran dan membina keyakinan diri.

### 1.11.6 Kaedah Konvensional

Kaedah konvensional bermaksud pengajaran klasik yang berpusatkan kepada guru dan menggunakan papan tulis secara *chalk and talk* (Siti Dahlia, 2017). Guru menguasai dan mengawal segala aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Menurut Hoffman (2010), konsep pengajaran menggunakan kaedah konvensional ibarat guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


menuangkan isi pelajaran ke dalam otak murid yang dianggap pasif dan mengabaikan pengetahuan sedia ada murid. Pada anggapan guru, pembelajaran konvensional berlaku melalui pengajaran guru di bilik darjah dan berpusatkan buku teks selain daripada tidak mengambilkira kelainan tahap kebolehan, latar belakang dan pengalaman murid (Bolling, 2008).

Amalan pengajaran konvensional amat disenangi dalam kalangan guru-guru sekolah. Guru hanya menggunakan *chalk and talk* tanpa memerlukan bahan bantu mengajar dalam pengajaran. Hal ini disebabkan guru perlu mengajar menggunakan sukatan pelajaran yang perlu dihabiskan mengikut masa yang ditetapkan (Roslan et al., 2017). Berdasarkan kepada kajian-kajian lepas didapati para guru masih menggunakan kaedah pengajaran secara konvensional (Hoffman, 2010). Penggunaan kaedah abjad adalah sebahagian daripada pengajaran konvensional. Kaedah ini amat menekankan murid menguasai kemahiran mengenal 26 abjad terlebih dahulu dan diikuti dengan mengenal berpuluh-puluh pola suku kata terbuka sebelum mereka boleh diajar kemahiran membaca. Amalan ini akan mengmbil masa yang lama untuk murid mahir menguasai kemahiran yang diajar sehingga mematahkan semngat murid untuk belajar membaca (Isahak Haron, 2004). Oleh yang demikian, pengajaran menggunakan kaedah konvensional ini sebenarnya sudah tidak sesuai lagi digunakan pada masa kini kerana bercirikan pembelajaran klasik. Kaedah ini agak ketinggalan dengan Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21). Minat murid harus dicungkil supaya mereka terus bermotivasi untuk terus belajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



## 1.12 Rumusan

Bab ini membincangkan tentang pengenalan kepada latar belakang kajian dan pernyataan masalah yang berkaitan dengan isu buta huruf dalam kalangan murid-murid yang amat membimbangkan di Malaysia. Selain itu, objektif kajian turut dinyatakan bagi menjawab persoalan kajian yang diutarakan oleh pengkaji dalam kajian ini. Berdasarkan kepada permasalahan murid Pemulihan Khas menguasai kemahiran membaca Bahasa Melayu, mereka perlu dibantu dengan kaedah pengajaran yang sesuai dengan kebolehan belajar mereka. Pengkaji berpendapat penggunaan KGBK amat sesuai dan berkesan membantu murid-murid Pemulihan Khas menguasai kemahiran membaca dengan lebih cepat. Pengkaji juga akan menjadikan bab satu ini sebagai garis panduan dalam menjalankan kajian yang dirasakan amat penting untuk membantu negara mengurangkan masalah buta huruf.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, dalam bab dua pengkaji akan membincangkan berkaitan dengan teori dan model pembelajaran, variasi kaedah pengajaran, serta kajian-kajian lepas yang dijalankan oleh para pengkaji sebelumnya dalam bidang pengajaran bahasa serta minat belajar murid Pemulihan Khas. Untuk melaksanakan kajian ini, pengkaji telah membuat rujukan melalui pembacaan hasil-hasil kajian para pengkaji dari tahun 2008 hingga 2019.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi